

## **AKTIVITI SOKONGAN BAGI PERKEMBANGAN BAHASA DAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK**

### *Support Activities for Development of Child Language and Communication*

Zainiah Mohamed Isa<sup>1\*</sup>, Mazlina Che Mustapha<sup>2</sup>, Iylia Dayana Shamsudin<sup>3</sup>, Juppri Bacotang<sup>4</sup>, Grace Annammal Gnana Piragasam<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>2,4</sup>Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[zainiah@fpm.upsi.edu.my](mailto:zainiah@fpm.upsi.edu.my)<sup>1</sup>, [mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my](mailto:mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my)<sup>2</sup>, [iyliadayana@fpm.upsi.edu.my](mailto:iyliadayana@fpm.upsi.edu.my)<sup>3</sup>, [juppri@fpm.upsi.edu.my](mailto:juppri@fpm.upsi.edu.my)<sup>4</sup>, [grace@fpm.upsi.edu.my](mailto:grace@fpm.upsi.edu.my)<sup>5</sup>

*\*Corresponding Author*

*Received:* 21 Ogos 2020; *Accepted:* 06 Mei 2021; *Published:* 19 Mei 2021

*To cite this article (APA):* Mohamed Isa, Z., Che Mustafa, M., Shamsudin, I. D., Bacotang, J., & Gnana Piragasam, G. A. (2021). Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 27-34. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.3.2021>

*To link to this article:* <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.3.2021>

### **ABSTRAK**

Penguasaan yang lemah dalam kemahiran bahasa dan komunikasi akan menjejaskan kemahiran literasi awal, dan seterusnya kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak. Justeru, artikel ini menjelaskan beberapa aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak yang boleh dijalankan oleh guru. Antara aktiviti yang dapat menyokong pencapaian bahasa dan komunikasi kanak-kanak, ialah; (i) interaksi dan perbualan; (ii) bermain; (iii) menyanyi dan bahasa berima; (iv) membaca buku; dan (v) bercakap di khalayak. Aktiviti-aktiviti ini perlu dijalankan terhadap kanak-kanak secara implisit dan eksplisit oleh guru sama ada di dalam atau di luar kelas. Guru memainkan peranan penting bagi menyediakan aktiviti, suasana, persekitaran, dan bimbingan serta sokongan bagi menjamin kanak-kanak dapat mencapai potensi diri masing-masing.

**Kata Kunci:** aktiviti sokongan, bahasa dan komunikasi, awal kanak-kanak

### **ABSTRACT**

*Poor mastery of language and communication skills will affect early literacy skills, and subsequently children's reading and writing skills in future. Thus, this article explain support activities for children's language and communication development that can be carried out by teachers. Activities that can support children's language and communication achievement, namely; (i) interaction and conversation; (ii) playing; (iii) singing and rhyming; (iv) reading books; and (v) speaking in public. This activities is done implicitly and explicitly to children by teachers either in or outside of classroom. Teachers play an important role in providing activities, atmosphere, environment, guidance and support to ensure that children can achieve their potential.*

**Keywords:** support activities, language and communication, early childhood

## PENDAHULUAN

Bahasa dan komunikasi memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak dan berlaku dengan pesat semasa mereka mengikuti program pendidikan awal kanak-kanak. Goodson dan Layzer (2009) mendefinisikan bahasa lisan sebagai; (i) kemahiran berkomunikasi iaitu mendengar dan memberi respon apabila orang lain bercakap; (ii) memahami makna banyak perkataan dan konsep yang mereka dengar atau baca; (iii) memperoleh maklumat baharu mengenai perkara yang mereka ingin pelajari; dan (iv) memberikan pendapat dan idea sendiri dengan menggunakan bahasa. Melalui ciri-ciri yang dinyatakan ini, jelas menunjukkan perkembangan bahasa lisan kanak-kanak bukan hanya kebolehan kanak-kanak untuk bercakap, tetapi juga kemahiran mereka berinteraksi dengan orang lain dan dapat menyuarakan pendapat dan idea mereka sendiri dengan baik.

Pendedahan terhadap bahasa dan komunikasi yang baik adalah penting untuk meningkatkan perhubungan sosial dan perkembangan kognitif kanak-kanak. Kajian *Early Catastrophe* menyatakan, kanak-kanak seawal usia tiga tahun yang mempunyai perkembangan bahasa dan komunikasi yang baik akan menunjukkan perkembangan neuro yang berbeza yang menjanjikan kejayaan dalam akademik, dan berpotensi dalam sosioekonomi mereka (Hart & Risley, 2003). Ini jelas menunjukkan perkembangan bahasa yang baik dapat membantu kanak-kanak untuk berjaya dalam bidang akademik (Bleses *et al.*, 2016), dan dapat berkomunikasi dengan lebih baik dengan orang lain. Kanak-kanak berisiko mengalami masalah dalam pencapaian literasi, akademik, sosial dan emosi jika mereka tidak menguasai kemahiran bahasa dan komunikasi. Zainiah *et al.* (2018a) mendapati pencapaian kanak-kanak berumur dua, tiga dan empat tahun masih belum memberangsangkan. Apabila mereka menjadi dewasa kelak, mereka menghadapi risiko untuk menjadi penganggur atau menghadapi masalah mental (Mc Kean *et al.*, 2015).

Secara spesifiknya, kajian Zainiah *et al.* (2018b) menunjukkan kanak-kanak berumur dua, tiga, dan empat tahun di taman asuhan kanak-kanak (taska) belum menguasai bahasa dan komunikasi dengan baik. Antara punca masalah bahasa dan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak ialah guru kurang bercakap dan kurang melibatkan kanak-kanak dalam perbualan (Dickinson & Tabors, 2001). Sebaliknya, pendidik cenderung memberikan pelbagai arahan di dalam kelas. Apabila membincangkan kandungan pelajaran, guru selalunya mengemukakan soalan yang tertutup, dan memberikan respon dengan hanya menggunakan satu atau dua perkataan terhadap soalan atau idea yang dikemukakan oleh kanak-kanak (Gest *et al.*, 2006). Ini menyebabkan peluang untuk kanak-kanak belajar dan menggunakan bahasa agak terhad.

Sekiranya guru sentiasa menyediakan peluang untuk kanak-kanak menggunakan bahasa untuk berinteraksi, sudah tentu tahap penguasaan bahasa dan komunikasi kanak-kanak adalah baik, dan kanak-kanak akan lebih bersedia dengan kemahiran literasi semasa mereka berada di sekolah rendah kelak. Di samping itu, bilangan kanak-kanak yang bermasalah pertuturan, bahasa dan komunikasi dapat dikurangkan (Dockrell *et al.*, 2015). Ini kerana kanak-kanak yang terdedah kepada persekitaran yang kaya dengan linguistik berpotensi untuk memproses perbendaharaan kata yang banyak dan mempelajari perkataan baharu dengan kadar yang lebih cepat berbanding dengan kanak-kanak yang kurang didedahkan dengan persekitaran yang kaya linguistik (Hart & Risley, 1995; Barnes *et al.*, 2017).

Oleh itu, guru perlu menyediakan persekitaran yang memberi peluang untuk kanak-kanak meningkatkan perkembangan bahasa dan komunikasi. Ini kerana jika kanak-kanak

mendapat dapat pendedahan bahasa dan komunikasi yang baik sejak awal usia lagi, mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi abad ke-21 yang menekankan aspek berkomunikasi dan berkolaboratif dengan baik sebagai satu keperluan utama. Ini bertepatan dengan kajian Juni Atma dan Bacotang (2021) yang telah membangunkan reka bentuk modul pembelajaran koperatif jenis padanan untuk kemahiran perbendaharaan kata kanak-kanak. Justeru, adalah menjadi suatu keperluan untuk mendedahkan kanak-kanak kepada penggunaan bahasa yang baik serta peluang untuk mereka berkomunikasi sama ada di dalam atau di luar kelas. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti yang dapat menggalakkan perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak.

## **AKTIVITI SOKONGAN BAGI PERKEMBANGAN BAHASA DAN KOMUNIKASI**

Dalam artikel ini, pengkaji menghuraikan lima aktiviti yang dapat menyokong pencapaian bahasa dan komunikasi kanak-kanak, iaitu; (i) interaksi dan perbualan; (ii) bermain; (iii) menyanyi dan bahasa berima; (iv) membaca buku; dan (v) bercakap di khalayak.

### **Interaksi dan Perbualan**

Perkembangan bahasa kanak-kanak berlaku melalui komunikasi dengan orang lain dalam konteks yang bermakna kepada mereka (Degotardi *et al.*, 2016). Zainiah *et al.* (2020) telah membangunkan sebuah panduan kepada ibu bapa untuk menyokong perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Namun begitu, di taska atau di prasekolah, guru yang perlu memainkan peranan penting bagi menggalakkan pertuturan dalam kalangan kanak-kanak. Sepatutnya, interaksi antara guru dengan kanak-kanak, dan kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain berlaku sepanjang hari. Menurut Peterson *et al.* (2016), matlamat guru adalah supaya kanak-kanak dapat bercakap dalam ayat yang lebih panjang, lebih kompleks, dan melibatkan diri dalam perbualan secara interaktif, iaitu mereka mendengar, membuat komen, dan bertanya soalan. Kanak-kanak boleh mengendalikan perbualan dengan kanak-kanak lain tanpa terlalu banyak arahan daripada orang dewasa. Interaksi dan perbualan bukan sahaja berlaku semasa pembelajaran, malah berlaku semasa rutin, permainan dalam dan luar kelas, semasa menunggu ketibaan ibu bapa, dan sewaktu pengurusan diri.

Bagi menggalakkan perbualan berlaku semasa aktiviti pembelajaran dan semasa aktiviti rutin, guru boleh berbual tentang perkara yang dilakukan oleh kanak-kanak pada masa tersebut. Semasa berinteraksi dengan kanak-kanak, guru boleh mengaitkan isu yang dibualkan dengan pengalaman atau pengetahuan sedia ada kanak-kanak. Selain itu, guru boleh mengambil peluang untuk menyelitkan kosa kata baharu kepada kanak-kanak secara tidak langsung, supaya kanak-kanak dapat mempelajari kosa kata baharu secara kontekstual. Pembinaan perbendaharaan kata amat penting bagi perkembangan bahasa kanak-kanak kerana jika kanak-kanak tidak mempunyai perbendaharaan kata yang besar, agak sukar bagi mereka untuk bercakap, apatah lagi untuk berbual panjang. Dengan adanya himpunan kosa kata yang banyak, kanak-kanak lebih berkeyakinan untuk berbual ataupun membincangkan tentang sesuatu perkara.

Kanak-kanak juga memerlukan model bahasa untuk menyerap, memproses dan seterusnya menggunakan kosa kata dalam pertuturan mereka (Blamey & Beauchat, 2016). Guru sepatutnya mengambil peluang ini untuk menunjuk cara komunikasi yang baik. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan bahasa yang betul dan bersopan semasa berbual,

memulakan perbualan, mengambil giliran, dan mengikuti topik perbualan. Guru juga boleh menunjukkan contoh kepada kanak-kanak cara berinteraksi menggunakan mimik muka yang ceria, pandangan mata, bahasa badan, serta kedudukan jarak badan apabila berbual dengan orang lain. Semua kemahiran berkomunikasi ini boleh dilaksanakan oleh guru semasa berada di dalam kelas bersama dengan kanak-kanak. Kesemua kemahiran ini adalah perlu didedahkan kepada kanak-kanak supaya mereka dapat berkomunikasi dengan efisien.

## **Bermain**

Bermain merupakan salah satu prinsip utama dalam pendidikan awal kanak-kanak yang membolehkan kanak-kanak memperoleh pelbagai pengalaman semasa bermain. Semasa bermain, kanak-kanak belajar untuk berinteraksi dengan kanak-kanak lain, mengambil giliran, bercakap mengenai topik tertentu, berbual tentang hal peribadi dengan rakan, percakapan antara pengikut dan pemimpin, dan berlaku pelbagai bentuk pertukaran kosa kata (Machado, 2016). Antara aktiviti bermain yang menggalakkan interaksi dan perbualan ialah main bebas, main peranan atau sosial drama, menyanyi sambil bermain, dan mainan di luar kelas. Semasa bermain, guru perlu sentiasa memberikan bimbingan kepada kanak-kanak bagi memastikan perkembangan bahasa dan komunikasi dapat berlaku dengan baik.

Salah satu permainan yang menggalakkan perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak ialah main peranan atau sosial drama. Biasanya, permainan ini wujud berdasarkan sesuatu tema tertentu dan menggunakan ayat yang lebih kompleks (Weisberg *et al.*, 2013). Walaupun tema tersebut sentiasa berubah, kanak-kanak akan fokus kepada sesuatu tema untuk jangka masa tertentu. Jika permainan adalah tentang suasana di restoran, mereka akan menggunakan bahasa seperti membuat pesanan makanan dan minuman, bercakap dengan bersopan, serta mendengar dengan teliti bagi mengambil pesanan. Jika ada antara rakan yang menggunakan kosa kata baharu, kosa kata ini akan turut digunakan oleh rakan yang lain. Biasanya, kanak-kanak akan sentiasa aktif berinteraksi dan bercakap dengan rakan yang lain semasa main peranan. Guru boleh mengambil peluang untuk berbual, atau memperkenalkan kosa kata yang sesuai, serta memanjangkan idea kanak-kanak mengenai permainan tersebut.

Selain itu, permainan luar kelas dapat meningkatkan interaksi kanak-kanak dengan rakan-rakan mereka. Apabila kita melihat kanak-kanak di taman permainan atau di luar kelas, kita sering menghubungkan permainan luar dengan perkembangan fizikal dan sosial kanak-kanak. Semasa bermain, mereka sentiasa berinteraksi untuk bertolak ansur dengan rakan-rakan. Mereka juga bebas menyuarakan pendapat mereka dalam suasana yang menyeronokkan dan tanpa peraturan seperti yang berlaku di dalam kelas. Pemahaman kosa kata berlaku dengan lebih mudah semasa permainan fizikal kerana kosa kata tersebut boleh digambarkan melalui tindakan atau perbuatan semasa mereka bermain. Sebenarnya, peluang untuk kanak-kanak mengembangkan bahasa dan komunikasi boleh berlaku semasa bermain di dalam mahupun di luar kelas.

## **Menyanyi dan Bahasa Berima**

Kanak-kanak sememangnya suka menyanyikan lagu bahasa berima. Menurut Brown (2014), kesedaran fonemik dapat dibangunkan melalui penggunaan bahasa berima, lagu dan puisi yang biasanya turut dilakukan dengan pergerakan jari dan pergerakan badan. Semasa

menyebut bahasa berima dan puisi, kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran manipulasi bunyi dalam pertuturan yang merupakan kemahiran fonemik. Selain itu, kemahiran fonemik juga meliputi kepekaan kanak-kanak kepada bunyi awal dan bunyi akhir perkataan, pemecahan bunyi dalam perkataan dan ayat. Kesemua kemahiran ini adalah penting untuk dikuasai oleh kanak-kanak sebelum mereka menguasai kemahiran fonik.

Kemahiran fonik ialah kebolehan mengecam bunyi bagi abjad tertentu yang merupakan asas kepada kemahiran menyahkod untuk tujuan pembacaan. Kajian Christiner dan Reiterer (2018) menunjukkan kebolehan muzikal mempunyai hubungan yang positif dengan daya ingatan dan kemahiran fonik kanak-kanak yang berumur lima tahun. Melalui penggunaan lagu dan bahasa berima, kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran pengecaman bunyi yang menyebabkan sebutan mereka menjadi lebih fasih. Ini penting bagi membolehkan pertuturan mereka akan mudah difahami oleh orang lain. Hasilnya, perkembangan kognitif dan sosiemosi mereka turut berkembang dengan baik.

Lagu yang mempunyai pelbagai tema juga dapat membantu meningkatkan kosa kata kanak-kanak. Namun begitu, guru perlu bijak memilih lagu yang sesuai dengan tema dan minat kanak-kanak. Biasanya, lagu yang menggunakan bahasa mudah, dan mempunyai frasa yang berulang lebih mudah diingati oleh kanak-kanak dan seterusnya menjadi lagu kegemaran mereka. Hasilnya, kanak-kanak dapat meningkatkan perbendaharaan kata, dan mereka dapat menggunakan kosa kata tersebut dalam konteks yang lain. Melalui pengulangan nyanyian sesebuah lagu, kanak-kanak secara tidak langsung dapat berlatih menyebut perkataan bagi meningkatkan kefasihan penyebutan perkataan.

## **Membaca Buku**

Membaca buku bersama kanak-kanak adalah aktiviti yang boleh dilakukan di dalam kelas kanak-kanak sejak awal usia lagi. Laporan *National Early Literacy Panel* (NELP) mendapati amalan berkongsi buku dengan kanak-kanak kecil mempunyai kesan yang positif terhadap kemahiran bahasa lisan dan pengetahuan kanak-kanak (Lonigan & Shanahan, 2008). Kanak-kanak yang kerap dibacakan buku mempunyai perbendaharaan kata yang lebih banyak dan tahap kefahaman yang lebih baik berbanding kanak-kanak yang kurang mendapat pembacaan buku.

Kajian van Druten-Frietman *et al.* (2016) menunjukkan pengintegrasian pembacaan buku cerita dengan aktiviti pembelajaran dapat memberikan kesan terhadap perbendaharaan kata kanak-kanak terutamanya perbendaharaan kata ekspresif. Ini kerana bacaan berdialog menggalakkan kanak-kanak bercakap bagi menyuarakan pendapat dan idea mereka semasa sesi pembacaan buku cerita. Semasa membaca buku, guru digalakkan untuk memanjangkan dan melanjutkan ayat ataupun idea kanak-kanak bagi meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak. Jelaslah, penglibatan kanak-kanak yang aktif dalam bacaan berdialog dapat memberi manfaat untuk meningkatkan penggunaan bahasa kanak-kanak.

Aktiviti membaca buku cerita juga dapat menyokong kefahaman naratif yang merujuk kepada kefahaman kanak-kanak terhadap makna cerita. Setelah kanak-kanak mendengar cerita atau membaca buku cerita, mereka seharusnya diberi peluang untuk menceritakan semula cerita tersebut menggunakan bahasa mereka sendiri serta membuat maklum balas tentang cerita tersebut. Penceritaan semula adalah sangat berkait rapat dengan dengan

kefahaman membaca (Kim, 2016; Tabors *et al.*, 2001). Selain itu, aktiviti membaca buku cerita membolehkan kanak-kanak menyatakan pendapat ataupun idea mereka.

Melalui aktiviti membaca buku, kanak-kanak turut menggunakan kemahiran berkomunikasi yang lain, seperti perlu tahu masa untuk memberi pendapat atau bertindak balas, menunggu giliran untuk bercakap, mendengar pendapat orang lain dan bertolak ansur dengan pendapat orang lain yang berbeza dengan pendapat mereka sendiri. Kemahiran komunikasi sebegini penting bagi memastikan bukan hanya kanak-kanak mempunyai daya pemikiran yang tinggi, malah kebolehan untuk menyampaikan idea, pendapat dan perasaan secara berhemah.

## **Bercakap di Khalayak**

Menurut Halliday (1975), kanak-kanak perlu menggunakan bahasa secara berkesan untuk pelbagai fungsi atau tujuan yang tertentu. Ini bertepatan dengan kajian Peterson *et al.* (2016) yang menyatakan kanak-kanak dapat menerangkan apa yang mereka rasai dan fikirkan (fungsi peribadi), bercerita (fungsi imaginasi), dan menerangkan sesuatu perkara seperti projek yang mereka laksanakan (fungsi memberi maklumat).

Selain itu, kanak-kanak juga perlu mengiktiraf peranan pendengar supaya sebarang bentuk cerita atau maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami oleh khalayaknya yang terdiri daripada rakan sekelas dan guru. Perkara ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan oleh kanak-kanak mahupun orang dewasa. Kebolehan bercakap kepada lebih seorang pendengar atau di khalayak ramai memerlukan banyak latihan. Ini adalah penting supaya kanak-kanak tahu bagaimana cara bercakap di hadapan khalayak serta dapat membina keyakinan diri.

Pada peringkat permulaan, aktiviti yang sesuai dijalankan terhadap kanak-kanak ialah aktiviti “*Show and Tell*”. Aktiviti ini melibatkan bahan istimewa yang dibawa oleh kanak-kanak dan membentangkan bahan tersebut kepada rakan-rakan (Blamey & Beauchat, 2016). Aktiviti ini lebih bersifat personal kerana kanak-kanak berkongsi hal peribadi mereka di hadapan rakan-rakan. Mereka membawa sesuatu objek, bahan, haiwan kesayangan atau gambar, dan bercakap mengenai keluarga, hobi, makanan kegemaran, dan tempat yang pernah dilawati. Sebagai bimbingan, guru boleh memberi kanak-kanak topik seperti makanan atau mainan kegemaran mereka. Kanak-kanak diminta menunjukkan barang yang berkaitan dengan topik tersebut dan bercakap beberapa ayat mengenai barang yang ditunjukkan oleh mereka. Lama kelamaan, kanak-kanak sudah biasa dan mereka bercakap dengan ayat yang lebih panjang serta boleh berkomunikasi dengan rakan-rakannya di khalayak. Aktiviti seperti ini boleh menjadi permainan interaksi lisan yang menyeronokkan untuk kanak-kanak. Aktiviti ini juga boleh membantu keyakinan, kosa kata dan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak.

Bagi kanak-kanak yang gemar melukis, mereka suka jika dapat menceritakan tentang kisah dan makna lukisan yang mereka lukis kepada rakan-rakan. Ini menggalakkan kemahiran mengarang dan meningkatkan kefasihan berbahasa kanak-kanak (Machado, 2016), malah dalam masa yang sama dapat mengembangkan kreativiti mereka. Jika kanak-kanak tidak boleh melukis, guru boleh memberi kepada kanak-kanak sekeping gambar. Seterusnya, kanak-kanak diminta menerangkan perkara yang dilihat, atau perkara yang diimajinasikan berkaitan dengan gambar tersebut kepada rakan-rakannya. Selain itu, guru boleh

menyediakan satu set gambar, kemudian meminta kanak-kanak untuk menyusunnya dalam urutan yang difikirkan logik oleh mereka. Kanak-kanak boleh membina cerita mereka sendiri mengenai gambar tersebut. Cerita tersebut akan mendapat tindak balas dari rakan mereka yang berminat dengan cerita yang direka oleh rakan mereka sendiri. Rakan-rakan juga turut menyumbang idea dan pendapat mereka. Aktiviti sebegini bukan sahaja mengalakkan imaginasi, malah dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta memperkaya kosa kata kanak-kanak.

Aktiviti bercakap di khalayak juga sesuai apabila kanak-kanak melakukan sesuatu projek, dan pada akhir projek mereka perlu membentangkannya. Kebanyakan kelas pendidikan awal kanak-kanak menjalankan projek yang mudah dengan kanak-kanak seperti tanaman, solar, air, dan kitar semula. Guru boleh mengumpulkan pembentangan projek pada satu pameran yang dihadiri oleh ibu bapa dan komuniti. Semasa pameran berlangsung, kanak-kanak bercakap mengenai projek masing masing kepada khalayak yang melawati tapak pameran mereka. Aktiviti yang menarik ini bukan sahaja dapat mempromosikan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak, tetapi membantu keyakinan kanak-kanak untuk bercakap di khalayak.

## **KESIMPULAN**

Kesemua aktiviti yang dicadangkan di atas boleh dilaksanakan oleh guru terhadap kanak-kanak secara implisit dan eksplisit di dalam mahupun di luar kelas. Oleh itu, guru memainkan peranan untuk menyediakan aktiviti, suasana, persekitaran, bimbingan, dan sokongan bagi menjamin kanak-kanak dapat mencapai potensi diri masing-masing. Ini kerana kemahiran bahasa dan komunikasi adalah elemen penting yang menjadi asas kepada kemahiran membaca, dan seterusnya kepada kejayaan akademik kanak-kanak. Jika kanak-kanak tidak mempunyai penguasaan bahasa dan komunikasi yang kukuh, mereka akan sukar untuk memenuhi keperluan abad ke-21 yang memerlukan individu berkebolehan dalam berkomunikasi dan berkolaboratif. Ini menjelaskan kemahiran bahasa dan komunikasi merupakan aset bagi kejayaan kanak-kanak pada masa hadapan.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini berdasarkan projek penyelidikan yang bertajuk *A Development of Language and Communication Framework to Support Children with SLCN in Early Childhood Classroom*. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas Geran Penyelidikan Universiti (kod: 2018-0238-107-01) yang membantu membiayai penyelidikan ini.

## **RUJUKAN**

- Barnes, E. M., Dickinson, D. K., & Grifenhagen, J. F. (2017). The role of teachers' comments during book reading in children's vocabulary growth. *The Journal of Educational Research, 110*(5), 515-527.
- Blamey, K. L., & Beauchat, K. A. (2016). *Starting strong: Evidence-based early literacy practices*. Stenhouse Publishers.
- Bleses, D., Makransky, G., Dale, P. S., Højen, A., & Ari, B. A. (2016). Early productive vocabulary predicts academic achievement 10 years later. *Applied Psycholinguistics, 37*(6), 1461-1476.

- Brown, C. S. (2014). Language and literacy development in the early years: Foundational skills that support emergent readers. *Language and Literacy Spectrum, 24*, 35-49.
- Christiner, M., & Reiterer, S. (2018). Early influence of musical abilities and working memory on speech imitation abilities: study with pre-school children. *Brain sciences, 8*(9), 169.
- Degotardi, S., Torr, J., & Nguyen, N. T. (2016). Infant-toddler Educators' Language Support Practices during Snack-time. *Australasian Journal of Early Childhood, 41*(4), 52-62.
- Dickinson, D. K., & Tabors, P. O. (2001). *Beginning literacy with language: Young children learning at home and school*. Baltimore: Brookes Publishing.
- Dockrell, J. E., Bakopoulou, I., Law, J., Spencer, S., & Lindsay, G. (2015). Capturing communication supporting classrooms: The development of a tool and feasibility study. *Child Language Teaching and Therapy, 31*(3), 271-286.
- Gest, S. D., Holland-Coviello, R., Welsh, J. A., Eicher-Catt, D. L., & Gill, S. (2006). Language development subcontexts in Head Start classrooms: Distinctive patterns of teacher talk during free play, mealtime, and book reading. *Early Education and Development, 17*(2), 293-315.
- Goodson, B., & Layzer, C. (2009). Learning to talk and listen: An oral language resource for early childhood caregivers. National Institute for Literacy.
- Halliday, M. A. K. (1975). *Learning how to mean: Explorations in the development of language*. Edward Arnold. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-443701-2.50025-1>
- Hart, B., & Risley, T. R. (1995). *Meaningful differences in the everyday experience of young American children*. Paul H Brookes Publishing.
- Hart, B., & Risley, T. R. (2003). The early catastrophe: The 30 million word gap by age 3. *American educator, 27*(1), 4-9.
- Juni Atma, R. W., & Bacotang, J. (2021). The content validity of questionnaire of design of cooperative learning module type matching for Indonesian vocabulary skills of children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 10*(1), 77-87. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.7.2021>
- Kim, Y. S. G. (2016). Do live versus audio-recorded narrative stimuli influence young children's narrative comprehension and retell quality?. *Language, speech, and hearing services in schools, 47*(1), 77-86.
- Lonigan, C. J., & Shanahan, T. (2008). Executive summary developing early literacy: Report of the National Early Literacy Panel a scientific synthesis of early literacy development and implications for intervention.
- Machado, J. M. (2016). *Early childhood experiences in language arts*. Cengage Learning.
- McKean, C., Mensah, F. K., Eadie, P., Bavin, E. L., Bretherton, L., Cini, E., & Reilly, S. (2015). Levers for language growth: Characteristics and predictors of language trajectories between 4 and 7 years. *PloS one, 10*(8), e0134251.
- Peterson, S. S., McIntyre, L. J., & Forsyth, D. (2016). Supporting young children's oral language and writing development: Teachers' and early childhood educators' goals and practices. *Australasian Journal of Early Childhood, 41*(3), 11-19.
- Tabors, P. O., Snow, C. E., & Dickinson, D. K. (2001). Homes and schools together: Supporting language and literacy development. In D. K. Dickinson & P. O. Tabors (Eds.), *Beginning literacy with language: Young children learning at home and school* (pp. 313-334). Baltimore, MD: Brookes.
- van Druten-Frietman, L., Strating, H., Denessen, E., & Verhoeven, L. (2016). Interactive storybook-based intervention effects on kindergartners' language development. *Journal of Early Intervention, 38*(4), 212-229.
- Weisberg, D. S., Zosh, J. M., Hirsh-Pasek, K., & Golinkoff, R. M. (2013). Talking it up: Play, language development, and the role of adult support. *American Journal of Play, 6*(1), 39-54.
- Zainiah Mohamed Isa, Iylia Dayana Shamsudin, Grace Annammal Ghana Piragasam, Juppri Bacotang, Mazlina Che Mustafa, Suzani Mohamad Samuri. (2020). *Panduan stimulasi perkembangan kanak-kanak untuk ibu bapa: Bahasa dan komunikasi*. Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara.
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang, & Mazlina Che Mustafa. (2018a). Pencapaian kemahiran literasi awal kanak-kanak berusia 2, 3 dan 4 tahun. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II, 20*(1), 40-50.
- Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Juppri Bacotang, Md Azman Shahadan, Suzani Mohamad Samuri, Bahbib Rahmatullah, Norazilawati Abdullah, Grace Annammal Gnana Piragasam, Nurul 'Ain Hidayah Abas, Aslina Saad. (2018b). Language and communication achievements of two, three and four years old children in childcare centre. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8*(12), 2418-2427.